

## **Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan**

BADLIHISHAM MOHD NASIR

### ABSTRAK

Pendidikan adalah suatu aspek yang sangat penting dalam gerakan penyebaran Islam di Alam Melayu. Operasi pendidikan dalam bentuk tradisional seperti ceramah dan kuliah pengajian di surau, masjid dan pondok yang digerakkan oleh ulamak telah mengukuhkan kefahaman Islam yang baru bertapak di kalangan orang-orang Melayu. Namun demikian, kemerdekaan tanahair yang turut membawa arus pemodenan pendidikan meminggirkan peranan mereka dalam pendidikan. Bahkan, sumbangan mereka tidak begitu dihargai lantaran persepsi negatif masyarakat yang menganggap pendidikan hanyalah sebagai alat politik mereka yang menentang kerajaan dan anti-pembangunan. Imej ini diburukkan lagi dengan pelbagai masalah dalam penyediaan infrastruktur dan pengurusan institusi. Walaubagaimanapun, institusi pendidikan gerakan Islam samada yang berbentuk sufi, sosial-kebajikan dan politik semakin berkembang dan mendapat sambutan ramai. Gerakan Islam membuktikan bahawa mereka sebenarnya berperanan membangunkan sistem dan institusi pendidikannya sendiri di samping sebahagiannya terlibat secara langsung dalam arus pendidikan nasional.

Kata kunci: Islam, dakwah, pendidikan dan gerakan Islam

### ABSTRACT

*Education is important in the spread of Islam in the Malay Archipelago. It began in a very traditional methods such as in preaching and lecture group in the mosque and madrasah conducted by ulama and sufi orders. Their roles and methods is now changed into a more modern approaches and outlook. The advent of Islamic resurgence in 1970s who also promoted the emergence of several influential Islamic movements had transformed the method of education into more sophisticated ways. Their approaches is actually not far away from the previous attempts done by some Muslim reformist in education. Nevertheless, their method is confined according to the understanding and practise of their movements such as in the form of sufi, welfare, social and political. This development might spark the accusation that some of Islamic movements had deviated from the right teaching of Islamic education. In fact, they were blamed for abusing education for their own objectives and interests. This accusation should be thoroughly examined in order to know the nature and fundamental principle of education in the movements of Islam and how do they actively promote the method to the society. In conclusion, one may accept the fact that although educations of Islamic movements are varies according to their concepts and goals, their contribution in developing Islam through education is significance.*

*Keywords: Islam, dakwah, education and Islamic movement*

## PENGENALAN

Pendidikan merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam penyebaran Islam di alam Melayu. Operasi pendidikan dalam bentuk tradisional seperti ceramah dan kuliah pengajian di surau, masjid dan pondok yang digerakkan oleh individu seperti ulamak dan masyarakat tradisional telah mengukuhkan kefahaman Islam yang baru bertapak dalam kalangan orang Melayu. Namun demikian, kemerdekaan tanah air yang turut membawa arus pemodenan pendidikan seolah-olah meminggirkan peranan mereka dalam pendidikan. Ramai yang tidak menyedari bahawa gerakan Islam sebenarnya berperanan dalam membangunkan sistem dan institusi pendidikannya sendiri di samping sebahagiannya terlibat secara langsung dalam arus pendidikan nasional. Peranan mereka lazimnya tidak begitu dihargai lantaran persepsi negatif masyarakat yang menganggap pendidikan hanyalah sebagai alat bagi menyokong perjuangan gerakan Islam, khususnya dalam soal politik. Pendidikan didakwa menjadi mangsa eksplotasi gerakan Islam sehingga terdedah kepada imej-imej negatif seperti dakwaan menjadi sarang penentang kerajaan dan anti pembangunan. Imej institusi pendidikan dalam gerakan Islam diburukkan lagi dengan masalah tradisi seperti kelemahan infrastruktur dan pengurusan institusi berkenaan. Walau bagaimanapun, institusi pendidikan gerakan Islam dikatakan semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Islam tanah air. Hakikat ini perlu diberi perhatian, khususnya bagi menjana suatu bentuk pendidikan yang selaras dengan perubahan menjelang alaf baru. Bagi memperkenalkan isu ini kepada khalayak umum, penulis akan meninjau perkembangan pendidikan dalam gerakan Islam semasa yang terdiri daripada beberapa kumpulan yang berbentuk sufi, sosial kebajikan dan politik.

## PENDIDIKAN DAN GERAKAN ISLAM

Pada peringkat awal kedatangan Islam, ulamak-ulamak umumnya memainkan peranan penting dalam pendidikan. Mengikut catatan R.O. Winsteadt dan W.G. Shellabear, tokoh-tokoh seperti Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin merupakan mereka yang menyuburkan tradisi pendidikan Islam di Melaka. Mereka mengajar di masjid dan istana tentang asas-asas Islam seperti tauhid, feqah, sejarah nabi, tasawwuf, al-Quran dan lain-lain (Yahaya Abu Bakar, 1983: 33, 50). Peranan mereka diteruskan pula oleh ulamak tempatan seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani dan Nuruddin al-Raniri yang beroperasi di Aceh (abad ke 16 hingga ke 18), sebuah pusat pendidikan Islam setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis. Persoalan tasawwuf menjadi hangat dibincangkan dalam kalangan ulamak ini sehingga menimbulkan polemik yang berpanjangan. Pemikiran mereka boleh dilihat dalam karya-karya seperti *Syarab al-'Asyiqin*, *Asrar al-'Arifin*, *Syarh Ruba'i Hamzah Fansur*, *Bustan al-Salatin* dan *Hujaj al-Siddiq li dafi al-Zindiq* (D.G.E. Hall, 1962: 39-43).

Dalam konteks pelaksanaan pendidikan secara berkumpulan, gerakan tasawwuf terlibat dalam mengembangkan Islam sejak kedatangan awal Islam ke alam Melayu. Gerakan tasawwuf ini meliputi pendidikan asas Islam, terutamanya yang berkaitan dengan ibadat ritual serta kaedah ilmu tasawwuf yang menjadi subjek utama dalam pendidikan atau tarbiyyah gerakan tariqat sehinggalah ke hari ini. Antara sembilan kumpulan tasawwuf yang diperkenalkan oleh Prof. Syed Naquib al-Attas, hanya segelintir sahaja yang bergiat mendirikan institusi pendidikan, khususnya bertujuan untuk penyebaran ilmu kepada masyarakat. Sebagai contoh, pembangunan institusi Madrasah Saidiyyah oleh Tariqat Ahmadiyyah di Rasah, Negeri Sembilan pada tahun 1935 berorientasikan pendidikan. Ini dapat dilihat daripada makalah mengingati pendirian Madrasah al-Saidiyyah yang mencatatkan:

Dan tujuan didirikan ini madrasah ialah semata-mata bagi menghamburkan sesetengah daripada pengajaran yang bergantung dengan agama mereka-mereka yang mengejar padanya, dan menunjuk akan manusia pada jalan Allah Taala setengah daripada barang yang mengandungi akan makna menyuruh akan mereka itu kepada yang maruf dan mencegah mereka itu daripada mengerjakan yang mungkar...

Walaupun madrasah ini tidaklah semashyur institusi pendidikan Islam yang sezaman dengannya, tetapi madrasah ini berjaya melahirkan ramai ulamak dan cendekiawan Muslim tempatan dan membantu perkembangan dakwah Islam, khususnya di selatan tanah air. Namun demikian, contoh ini adalah kecil berbanding dengan sikap dan pendekatan sebahagian besar gerakan tariqat yang seolah-olah tidak menghiraukan langsung persoalan pembangunan institusi pendidikan tetapi sebaliknya menumpukan kepada amalan ritual tariqat seperti zikir dan sebagainya.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa konsepsi pendidikan agama gerakan tariqat secara umumnya masih terpasung dalam lingkaran tradisi Islam yang berbentuk konservatif walaupun sebahagian kecil daripada mereka mula menunjukkan perubahan dengan menerima arus pendidikan moden bagi digandingkan dengan tradisi ilmu Islam. Antara contoh yang agak menonjol ialah al-Arqam yang ditubuhkan pada akhir 1960-an. Peri penting persoalan pendidikan dalam al-Arqam dapat diperhatikan kepada salah satu faktor Ustaz Ashaari menubuhkan al-Arqam, iaitu PAS yang pernah disertainya didakwa menghadapi masalah kelemahan tarbiyyah dan spiritual Islam. Dalam pengertian lain, al-Arqam dapat dianggap sebagai sebuah gerakan sufi alternatif, khususnya dalam persoalan pendidikan.

Perkembangan pendidikan agama di dalam al-Arqam dapat dilihat dari sudut kegigihan gerakan tersebut melaksanakan konsep dan institusi pendidikannya yang tersendiri. Menurut al-Arqam, Islam tidak hanya mengandungi ajaran fardhu ain sahaja (*Hablu min Allah*-hubungan dengan Allah), malah meliputi fardhu kifayah (*Hablu min al-Nas*-hubungan dengan manusia). Konsep pendidikannya yang menganggap mata pelajaran lain sebagai fardhu kifayah yang perlu dituntut menyebabkan sistem pendidikan agama al-Arqam sedikit sebanyak turut berkembang selaras dengan tuntutan semasa walaupun dalam keadaan yang agak terhad. Integrasi sistem pendidikan al-Arqam dapat dilihat beroperasi di perkampungan al-Arqam Sungai Penchala.

Dari sudut pelaksanaan, al-Arqam membentuk *Syu'bah Tarbiyyah wa al-Ta'lim* yang memberikan perhatian kepada pengajian agama dan akademik. Pendidikan agama lazimnya dikendalikan oleh Yayasan al-Arqam dan Pusat Latihan Perguruan al-Arqam, di samping Institusi Akademik yang berperanan menawarkan sijil-sijil persekolahan seperti biasa. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1992: 82-84), Yayasan al-Arqam pernah pada suatu ketika cuba diberi taraf sebagai universiti tetapi gagal apabila teretusnya isu cubaan merampas kepimpinan al-Arqam oleh Ustaz Mokhtar Yaakob. Sistem pendidikan al-Arqam secara umumnya masih berlegar dalam kalangan ahlinya sahaja tanpa penglibatan masyarakat awam secara menyeluruh. Pendekatan al-Arqam yang terpinggir daripada arus pendidikan perdana ini juga gagal menunjukkan suatu alternatif sistem pendidikan Islam yang setanding dengan sistem pendidikan semasa.

Perkembangan pendidikan al-Arqam terbantut apabila gerakan ini diharamkan secara rasmi pada tahun 1994. Walaupun gerakan ini cuba bangkit melalui pertubuhan Ruffaq' dan Mawaddah, tetapi gerakan ini lebih memberikan tumpuan kepada pembangunan perniagaan dan kesenian berbanding pendidikan. Namun demikian, dari sudut pendidikan

pertubuhan Rifaqa' dan Mawaddah lebih berjaya berbanding Jemaah Tabligh, sebuah gerakan dakwah yang juga berorientasikan sufi, walaupun gerakan ini telah muncul dalam kalangan orang India Muslim Malaysia sejak tahun 1950-an. Pembangunan pendidikan agama gerakan Tabligh yang berlegar di sekitar unsur-unsur ritual masih berpusat secara tidak formal di masjid-masjid tertentu di Malaysia. Umumnya, boleh dikatakan hampir tidak ada langsung inisiatif ke arah pembinaan institusi pendidikan agama dalam gerakan ini. Tidak hairanlah sekiranya Dr. Abdul Rahman Abdullah mengkategorikan Jemaah Tabligh sebagai sebuah gerakan Islam tradisional-konservatif berbanding dengan al-Arqam yang dianggap sebagai tradisional-progresif.

Selain daripada gerakan Sufi, perkembangan Islam di peringkat awal boleh dilihat kepada peranan yang dimainkan oleh institusi pengajian pondok yang dikatakan berasal dari Patani dan Indonesia. Antara tokoh guru pondok yang terkenal ialah Sheikh Daud Abdullah al-Fatani dan Sheikh Tuan Haji Junus dari Sumatera. Di samping mengajar, mereka menghasilkan buku-buku agama bagi rujukan pelajar pada ketika itu. Sistem pendidikan ini bermula apabila pondok-pondok kediaman pelajar didirikan di sekeliling masjid atau surau yang menjadi pusat pengajaran. Pendekatan pengajaran institusi ini lazimnya dalam bentuk sehala, di mana guru menerangkan tanpa banyak persoalan balas daripada pelajar. Pelajar juga diajar secara amali tentang pelaksanaan Islam dalam kehidupan. Sebagai contoh, mereka mengikut secara langsung amalan guru-guru dalam perkara ibadah dan kemasyarakatan (Badriyyah Hj. Salleh, 1984: xxiii-xxv). Pelajar-pelajar yang tamat pengajian pulang ke kampung halaman masing-masing dan membuka pondok pengajian mereka pula di sana. Justeru, tidak hairanlah institusi ini memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Islam walaupun mungkin tidak begitu terbuka sebagaimana sistem pendidikan yang terdapat pada hari ini. Sekolah pondok boleh dianggap sebagai suatu legasi pendidikan tertua yang berpengaruh di Tanah Melayu (Muhd Nur Manutty, 1984: 46).

Perkembangan pendidikan agama seterusnya dipengaruhi oleh gerakan Kaum Muda yang memperkenalkan gagasan Islah di Tanah Melayu. Tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Syed Sheikh Ahmad al-Hadi, Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin dan Haji Salleh Masri yang terpengaruh dengan pemikiran Wahabi, Muhammad Abduh dan Rashid Reda yang menganjurkan konsep Pan-Islamisme. Kaum Muda kemudiannya tampil mengemukakan empat gagasan dan pembaharuan mereka di Tanah Melayu, iaitu seperti berikut:

1. Memperjuangkan kemajuan umat menerusi gerakan pemurnian pemahaman dan penghayatan agama. Mereka berkesimpulan bahawa kejatuhan dan kemunduran umat Islam bukan kerana Islam itu sendiri, tetapi akibat kesilapan dan kecuaiian dalam memahami dan menghayatinya.
2. Membangun daya fikir umat menerusi anjuran berijtihad dan pembasmian amalan taqlid.
3. Menyegarkan budaya ilmu menerusi reformasi pendidikan Islam – memulakan sistem persekolahan dengan menggabungkan ilmu-ilmu moden dan Barat.
4. Mengangkat status dan fungsi kaum wanita Islam.

Gagasan ini disalurkan menerusi institusi pendidikan madrasah seperti Madrasah al-Masyhur dan Madrasah al-Quran di Pulau Pinang (1914), Madrasah al-Hadi di Melaka (1917), Madrasah al-Idrisiyyah di Kuala Kangsar (1922) dan Madrasah Zainal Abidin di Terengganu (1925). Pendekatan atau sistem pendidikan Kaum Muda turut dimodenkan. Institusi madrasah Kaum Muda tidak hanya mengekalkan pembelajaran mata pelajaran

agama Islam tradisi seperti Tauhid, Tafsir, Hadis dan lain-lain, tetapi memasukkan juga mata pelajaran Bahasa Arab seperti Nahu, Saraf, Imla', Khat, Muhadathah, Saraf al-Fasahah (Kesusasteraan) dan Insha'. Mata pelajaran umum seperti Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa Melayu, Tawarikh dan Pengetahuan Am juga turut diajar, di samping mengadakan mata pelajaran pilihan seperti Khutbah (pidato) dan Pertukangan Tangan. Aktiviti luar bilik darjah seperti syarahan dan perbahasan, nasyid, menjahit, penulisan dan bersukan juga diperkenalkan. Teknik pengajaran juga berubah menggunakan papan hitam dan kapur tulis, serta penggunaan buku teks yang telah ditetapkan. Sistem ujian yang unik diperkenalkan di mana seseorang yang gagal dalam peperiksaan tidak akan dinaikkan ke darjah yang lebih tinggi.

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DALAM GERAKAN ISLAM**

Reformasi sistem pendidikan agama secara besar-besaran meledak seiring dengan era kebangkitan gerakan Islam pada awal 1970-an. Kemunculan ABIM yang mewarisi perjuangan Islam dalam kalangan pelajar dan intelektual dalam PKPIM dan al-Rahmaniah telah memberikan dimensi baru kepada pendidikan agama. Pendekatan Tarbiyyah yang terdiri daripada kombinasi ilmu sekular dan Islam telah memberikan tempat kepada pendidikan agama dalam institusi yang berbagai-bagai bentuk. ABIM memperkenalkan gagasan ini menerusi sekolah persendirian yang pertama, Yayasan Anda pada tahun 1971. Sekolah swasta yang ditubuhkan untuk membantu keciciran dalam kalangan pelajar Islam bagi memasuki universiti tempatan turut diresapi dengan pendekatan Islam berbentuk hierarki ala Ikhwan al-Muslimun yang diperkenalkan melalui aktiviti seperti usrah, tamrin dan qiamullail. Tujuan dan peranan Yayasan Anda menarik minat ramai pengkaji Barat seperti Judith Nagata (1984: 77) yang menyifatkannya sebagai sebuah institusi pendidikan yang menjadikan agama sebagai asas utama dalam mengharungi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan. Ringkasnya, orientasi bertujuan melahirkan seorang pelajar yang mapan dari sudut pendidikan moden (sekular) dan agama berjaya diketengahkan walaupun asas institusi pendidikannya tidak bermula daripada pendekatan wadah tradisional seperti sekolah agama rakyat dan pondok.

Namun demikian, ABIM tidak ketinggalan dalam mempertahankan dan memodenkan institusi pondok dan sekolah rakyat seperti yang dilaksanakan terhadap Maahad al-Ummah di Chemor Perak. ABIM seterusnya mengandakan usaha tarbiyyah secara lebih sistematik bermula dari peringkat kanak-kanak sehinggalah melalui ke peringkat institusi pengajian tinggi. Beberapa institusi pendidikan seperti Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKI) pada 1979 dan seterusnya diikuti oleh Sekolah Rendah Islam (SRI), Sekolah Menengah Islam (SMI), Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam (IPII) dan Institut Perguruan ABIM (IPA) dibuka kepada ahli dan orang awam. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa ABIM adalah perintis sistem dan institusi pendidikan moden daripada kalangan gerakan Islam. Penubuhan institusi berkenaan adalah suatu manifestasi daripada hasratnya yang ingin melihat suatu sistem pendidikan alternatif berteraskan Islam berkembang dalam masyarakat. Budaya ilmu atau intelek yang dianggap sebagai nadi kebangkitan Islam oleh ABIM jelas cuba diperkenalkan kepada masyarakat khususnya menerusi institusi pendidikan tingginya IPII. Institusi yang ditubuhkan pada tahun 1991 ini memainkan peranan penting dalam melaksanakan idea "Islamisasi Ilmu". Idea ini dikatakan dapat dilaksanakan menerusi pemberian roh dan perspektif Islam terhadap seluruh bidang matapelajaran yang terlibat. Sebagai contoh, disamping menawarkan kursus yang berasaskan Islam seperti Pengajian Quran, Hadith dan Bahasa Arab, IPII juga menawarkan kursus lain seperti Undang-undang Perbandingan, Sains Sosial Islam dan Pemikiran Politik Islam yang merupakan paduan antara ilmu sekular dan

Islam. Tahap keserjanaan di IPI seterusnya dipertingkatkan lagi dengan kewujudan program-program berkembar dengan universiti tempatan dan luar negara (Badlihisam Mohd Nasir, 1998: 263-266).

Impian ABIM untuk melihat tertubuhnya institusi pendidikan tinggi sendiri muncul pada 15 Jun 2002 apabila IPI dinaiktaraf sebagai Kolej Darul Hikmah (KDH) yang bernaung di bawah Syarikat Bina Ilmu milik Koperasi Belia Islam ABIM. Penubuhan KDH adalah sebagai penerusan program tarbiyyah dan dakwah ABIM yang bermula dari Taman Asuhan Kanan-kanak Islam (TASKI), Sekolah Rendah Islam (SERI) dan Sekolah Menengah Islam (SEMI) yang ditubuhkan sebelum ini. Matlamat KDH adalah untuk membangunkan tradisi ilmu yang memugar kegemilangan Tamadun Islam dan menjadikan Islam sebagai cara hidup. Bagi memenuhi hasrat itu, KDH menaiktarafkan kursus-kursus asas Islam di IPI sebagai subjek wajib dan menggabungkannya dengan program profesional atau akademik untuk melahirkan sumber manusia yang beriman, berilmu, berketerampilan, berakhlak dan berdaya maju. Walaupun kursus di KDH masih lagi bertaraf Diploma, ia menerima perakuan universiti tempatan dan luar negara serta berusaha untuk meningkatkan tarafnya sebagai sebuah kolej universiti. Potensi ke arah pemantapan dan pengiktirafan akademik diyakini dapat dicapai oleh KDH memandangkan KDH dibarisi oleh ramai tenaga akademik yang unggul seperti Siddiq Fadhil dan Muhammad Nur Manutty. Walaupun hanya sebagai sebuah institusi penerbitan swasta Islam yang masih lemah daripada pelbagai sudut, KDH berjaya menerbitkan jurnal Jawhar yang ditulis oleh ramai penulis antarabangsa. KDH menjadi suatu alternatif kepada golongan intelektual menyalurkan kreativiti mereka secara sukarela, khususnya dalam konteks dakwah di negara ini (KDH, 2010).

Di samping itu, ABIM didakwa terlibat secara tidak langsung dalam proses Islamisasi arus perdana pendidikan. Ahli-ahlinya atau mereka yang bersimpati dengan ABIM dikatakan berperanan dalam merangka polisi pendidikan negara dan mendominasi institusi pendidikan tertentu. Penglibatan ABIM semakin meluas dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dilancarkan pada tahun 1987. Antara para cendekiawan ABIM seperti Idris Jauzy, Muhammad Nor Munutty dan Wan Mohd Nor memberikan pandangan dan buah fikiran terhadap Islamisasi polisi pendidikan ini. Idea-idea mereka boleh dilihat dalam buku *Reformasi Pendidikan di Malaysia*. Gagasan mereka adalah selaras dengan pemikiran Anwar Ibrahim yang percaya bahawa proses Islamisasi akan berjaya dilaksanakan sekiranya satu sistem pendidikan baru berjaya dibentuk berdasarkan prinsip, metod, struktur dan kandungan yang diambil dari ajaran Islam (Badlihisam Mohd Nasir, 1999: 71-89).

Walau bagaimanapun, usaha ABIM menyalurkan pemikiran dan pendekatannya menerusi mekanisme institusi pendidikan kerajaan tidak berjaya apabila bekas Presidennya Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998. UIA yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai Universiti Islam ABIM kini kehilangan penguasaan gerakan Islam itu. Namun ini tidak menghalang ABIM daripada terus memperjuangkan mesej pendidikannya menerusi kerjasama dengan institusi pendidikan kerajaan yang lain. Ramai aktivis ABIM bergerak cergas menyumbangkan idea mereka dalam institusi pendidikan lebih-lebih lagi apabila kerajaan Pakatan Rakyat berjaya menguasai negeri Selangor pada Pilihanraya Umum 2008. Kolej Universiti Islam Selangor atau KUIS yang dinaik taraf sebagai universiti yang asalnya Kolej Islam Selangor Darul Ehsan atau KISDAR membuka ruang yang luas bagi gerakan Islam berperanan di institusi pengajian tinggi yang sebelum ini tertutup rapat kepada pengaruh pembangkang. Antara penglibatan aktivis ABIM di KUIS ialah pada Mac 2009, iaitu dalam Seminar Serantau Memperingati

100 Tahun Pahlawan Nasional Bapak Mohammad Natsir seorang tokoh dakwah dan pendidikan Indonesia yang banyak memberi pengaruh kepada ABIM dan gerakan Islam di Malaysia. Seminar yang dianjurkan oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama KUIS dan dirasmikan oleh Dato Seri Anwar Ibrahim dipercayai menjadi suatu pemangkin baru kepada gerakan Islam menyebarkan gagasan pendidikan mereka dalam kalangan cendekiawan institusi pengajian tinggi negara.

Menurut Badlihisam (1999) dalam kertas kerja “Metod Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM” yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Dakwah dan Gerakan Islam Alaf Baru, Jejak langkah ABIM yang mempopularkan penekanan tarbiyyah serta pendidikan ini diikuti oleh JIM, sebuah gerakan dakwah sosial yang dikatakan berasal dari IRC. Setelah didakwa gagal mendominasi PAS dan ABIM, IRC muncul ke persada umum dengan imej tarbiyyah dan Islah menerusi program-program yang dikendalikan secara profesional dan sistematik di dalam JIM. Ini bersesuaian dengan latar belakang gerakan ini yang didokongi oleh tokoh-tokoh profesional dan korporat. Sebagaimana ABIM, JIM mulai dikenali di mata masyarakat menerusi program seperti Institut al-Quran, *Da'wah Training Institute IWC-JIM* dan institusi pendidikan seperti sekolah rendah dan menengah al-Amin dan Kolej Jaipetra.

Sekolah al-Amin adalah antara institusi pendidikan JIM yang berjaya menarik perhatian masyarakat. Sekolah berkenaan membariskan falsafahnya sebagai tauhid bagi membina dan melahirkan insan rabbani, berilmu, beriman dan berakhlak mulia serta mampu membentuk kehidupan diri, masyarakat, negara dan dunia sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran dan al-Sunnah melalui sistem pendidikan yang seimbang, menyeluruh dan berterusan. Matlamat umum pendidikannya adalah untuk membentuk generasi *Muttaqin* yang mampu menghayati dan memperjuangkan Islam secara menyeluruh. Justeru, pendidikan agama dan bahasa Arab diberikan keutamaan. Ini dapat dilihat dari kelayakan asas untuk masuk ialah penguasaan bahasa Arab dan agama. Kurikulum yang digunakan diambil dari beberapa sekolah agama di Kelantan dan Terengganu yang selaras dengan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini bukan sahaja menekankan aspek kerohanian, tetapi juga mengambil kira aspek akademik, kemahiran hidup dan teknologi moden (Zatul Akmam Yusop, 1993: 45-46).

JIM terus mengembangkan institusi pendidikannya dengan mewujudkan rangkaian sekolah-sekolah Islam se-Malaysia yang terdiri dari 30 buah samada rendah dan menengah. Di samping itu, JIM mensasarkan pengkaderan ahli-ahlinya di peringkat pengajian tinggi dengan menubuhkan sebuah pertubuhan bernama KARISMA pada 2 Mei 1999. KARISMA adalah akronim kepada Kelab Rakan Siswa Islah Malaysia yang bertujuan untuk melaksanakan usaha islah dan dakwah kepada masyarakat mahasiswa. Kecenderungan JIM menggunakan pendidikan informal ini mungkin disebabkan oleh pendekatan gerakan itu lebih terbuka ke dalam masyarakat tanpa memerlukan suatu wadah yang jelas membawa nama organisasi. Ia juga lebih menjurus kepada kaedah islah yang bukan hanya merujuk kepada aktiviti pendidikan secara formal tetapi juga kepada cara yang difikirkan lebih praktikal dan responsif kepada kehendak masyarakat. Justeru, JIM agak kehadapan dalam menawarkan institusi rawatan sosial seperti Raudhatul Sakinah yang ditubuhkan pada 1998. Institusi rawatan ini berperanan sebagai sebuah institusi yang memberikan perlindungan dan bimbingan kepada remaja yang menjadi mangsa gejala sosial. Ia berusaha membantu mereka meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri agar menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan agama. Usaha ini sudah pasti tidak dapat dilaksanakan secara praktikal oleh institusi pendidikan formal yang sememangnya kekurangan bilangannya di negara ini (JIM, 2010).

Secara keseluruhan, program dan institusi yang dikendalikan oleh JIM atau ahli-ahlinya ini tidak banyak berbeza dengan apa yang telah dilaksanakan oleh ABIM. Walaupun JIM masih tidak dapat menandingi kepopularan ABIM khususnya dalam kalangan masyarakat tempatan, ia berjaya menambah kepesatan rangkaian sekolah al-Amin di kawasan bandar. Sesuai dengan imej profesionalnya, ia menarik golongan berpendidikan tinggi untuk menghantar anak mereka belajar di institusi berkenaan. Kehadiran JIM dalam pembangunan sistem dan institusi pendidikan menambahkan lagi arus kebangkitan gabungan konsep bersepadu di antara ulamak dan intelektual atau agama-sekular dalam sistem pendidikan semasa.

Perjuangan menegakkan Islam khususnya menerusi sistem pengajian sekolah pondok diteruskan oleh Parti Islam SeMalaysia (1951). Ini mungkin berpunca daripada sikap kerajaan yang lebih mengutamakan sistem sekolah Inggeris, sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil di dalam arus perdana pendidikan negara. Pendekatan sekular ini memberi peluang kepada PAS mengukuhkan penguasaannya secara tidak langsung di dalam institusi pendidikan tradisi seperti pondok dan sekolah agama rakyat, sehingga masyhur kata-kata “di mana ada sawah, di situ ada pondok, di mana ada pondok di situ ada PAS”. Hubungan PAS dengan institusi pondok dan sekolah agama rakyat telah bermula sejak penubuhan Maahad Ehya al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak (1934) yang kemudiannya melahirkan gerakan Islam berbentuk parti politik pertama di Malaya bernama Hizbul Muslimin (1948). Ramai tokoh-tokoh Hizbul Muslimin dan Maahad berkenaan kemudiannya mengepalai penubuhan PAS pada tahun 1951.

Sistem sekolah pondok yang lazimnya dikaitkan sebagai sarang PAS umumnya beroperasi dalam keadaan serba kekurangan khususnya dari sudut material. Namun demikian, sikap dan minat PAS terhadap pendidikan jelas kelihatan apabila parti ini berjaya menguasai Kelantan pada tahun 1959. Di samping mengekalkan sistem pendidikan nasional yang sedia ada, PAS mengorak langkah menubuhkan Lembaga Dasar Penasihat Rancangan Dasar PAS Kelantan yang turut membincangkan isu-isu pendidikan. Pada tahun 1963, sebuah universiti Islam dirancang untuk dibina di Kelantan. Oleh kerana rancangan berkenaan bertentangan dengan akta pelajaran pada masa itu yang menghalang penubuhan universiti kecuali oleh Kerajaan Pusat, ia ditukar kepada Pusat Pengajian Tinggi Islam atau Markaz al-Dirasah al-Islamiyyah (Islamic Centre for Higher Studies). Pusat yang lebih dikenali sebagai Nilam Puri mempunyai hanya sebuah fakulti sahaja, iaitu Fakulti Syariah yang dibuka pada tahun 1971. Pada tahun 1968, pusat ini diistiharkan sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan. Pada tahun yang sama, Universiti al-Azhar Mesir memberi pengiktirafan kepada Fakulti Syariah di Pusat ini sebagai setaraf dengan Fakulti Syariah wa al-Qanunnya. Ini bermakna mahasiswa dari Nilam Puri diterima terus untuk mengikuti kursus di tahun pengajian yang sama di Universiti al-Azhar. Kini, Nilam Puri menjadi sebahagian daripada cawangan Akademi Islam, Universiti Malaya (Asri Muda, 1993: 83-86). Ramai antara penuntut lepasan daripada Pusat ini menjadi tokoh masyarakat dan negara. Ringkasnya, penekanan parti ini terhadap bidang pendidikan berjaya menjadikan rakyat Kelantan mendapat pendidikan tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (RTM, 19 Sept 1999).

Arus pemodenan institusi pendidikan agama mula melanda PAS khususnya ekoran penghijrahan bekas pemimpin ABIM di akhir tahun 1970-an. Sebelum ini, tidak banyak pembaharuan dalam pendidikan yang dapat dilaksanakan oleh PAS walaupun parti itu berkongsi kuasa dengan UMNO dalam kerajaan campuran pada 1974 hingga 1978. PAS hanya mampu bertindak sebagai “pressure group” yang menuntut pembinaan banyak institusi pendidikan Islam seperti Maktab Perguruan Islam yang ditubuhkan

pada pertengahan tahun 1970-an. Mustapha Ali (1993: 115) menyatakan bahawa PAS juga memperkuat desakan pembinaan universiti Islam yang telah diutarakan oleh Timbalan Presidennya, Profesor Zulkifli Muhammad sejak tahun 1960-an. Namun impian PAS dan umat Islam untuk melihat sebuah universiti Islam terbina lanjutan daripada Kolej Islam Malaya tidak tercapai apabila terdirinya Universiti Kebangsaan Malaysia yang dilihat lebih berorientasikan pendidikan kebangsaan walaupun Fakulti Pengajian Islam wujud sebagai salah satu daripada fakulti utamanya. Perubahan Kolej Islam yang dirancang menjadi Universiti Islam itu kepada Kolej Islam Kelang menggambarkan dakwaan untuk mematikan peranan Kolej Islam Malaya ada kebenarannya. (Zulkiple Abd Ghani, el.: 2005). Kolej Islam Malaya sangat sentimental buat perjuangan PAS yang bukan sahaja melihatnya melahirkan ulama tetapi juga pemimpin bagi parti itu.

Kepimpinan ulamak yang bermula dalam era 1980an dikatakan serius mengubah imej PAS sebagai sebuah parti politik semata-mata kepada gerakan dakwah yang turut menitikberatkan aspek pendidikan atau tarbiyyah. Ini dapat dilihat dari peranan Institut Berakan (1976) yang telah menjadi pusat pendidikan pro-PAS secara tidak rasmi (asalnya dikatakan sebuah sekolah swasta pro-ABIM seperti Yayasan Anda). Institusi ini berkembang menjadi sekolah persendirian yang mengikuti kurikulum dan sistem peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, disamping dijadikan pusat bagi penyebaran dakwah dan perjuangan parti. Sebagaimana ABIM, PAS menubuhkan institusi pendidikannya yang merangkumi dari peringkat kanak-kanak hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. PASTI atau Pusat Asuhan Tunas Islam (1982) adalah sebuah institusi pendidikan prasekolah yang dibuka kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira latarbelakang politik. Ini dapat dilihat daripada perangkaan bahawa hampir 70 peratus pelajar adalah dari keluarga yang bukan ahli PAS. dianggarkan pada 1996, PASTI mempunyai sebanyak 700 cawangan, 2000 guru dan 30,000 murid. PAS memperkenalkan persekolahan peringkat rendah dan menengah secara rasmi apabila Muassasah Darul Ulum dan sekolah Darul Ulum atau SRIDU ditubuhkan pada tahun 1995 dan 1996. Sebelum ini, pendidikan peringkat berkenaan dikendalikan secara persendirian oleh ahli-ahli PAS. Selain daripada Institut Berakan, terdapat beberapa institusi lain seperti Sekolah Rendah Agama al-Munir di Terengganu dan Madrasah Taufikiyyah Khairiyyah al-Halimiyyah di Kedah. Arus pengswastaan pendidikan turut mendorong parti Islam ini menubuhkan Kolej Profesional Kosis-Kohilal (1995) dan Institut Teknologi Ibnu Sina (1997). Kedua-dua kolej yang beroperasi selaras dengan konsep IPTS ini menekankan pendidikan Islam disamping mengenakan bayaran yang berpatutan berbanding institusi pendidikan swasta yang lain (Badlihisham Mohd Nasir, 1999: 195-199).

Di samping mengembangkan institusi pendidikannya sendiri PAS turut membangunkan institusi pendidikan yang telah sedia wujud di Malaysia. Ini dapat dilihat dari perhatian seriusnya terhadap institusi pengajian pondok dan sekolah agama rakyat. PAS cuba membangunkan institusi berkenaan dengan memperkenalkan konsep pendidikan bersepadu dengan penubuhan pondok moden seperti di Bachok, Kelantan. Namun, fokus utama PAS ialah mempertahankan sistem pengajian pondok dan sekolah agama rakyat secara tradisional yang didakwa cuba dihapuskan oleh pihak kerajaan. PAS yang menentang tindakan kerajaan memberhentikan bantuan kepada SAR mendakwa ia sanggup mengikut telunjuk Barat yang menghapuskan sistem yang menjadi sumber kekuatan kebangkitan Islam. Sedangkan SAR terbukti menyumbang kepada kemajuan pendidikan dengan menghasilkan tokoh-tokoh agama dan profesional. Hasilnya, SAR menghadapi masalah kewangan yang serius sehingga ada di antaranya terpaksa ditutup (Abdul Hadi Awang: 2005).

Namun kedudukan SAR agak pulih kembali apabila PAS yang mendokong Pakatan Rakyat bersama DAP dan PKR memenangi lima negeri dalam Pilihanraya Umum 2008. Di samping pihak kerajaan yang cuba mengambilalih SAR untuk diberikan bantuan khas melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di Kementerian Pelajaran Malaysia, Pakatan Rakyat terus membantu SAR secara langsung. Bantuan kepada SAR di Perak dan Kedah telah diberi semula bahkan termasuk di Pulau Pinang yang dikuasai DAP pun turut membantu SAR. Sebagai contoh, Ketua Menteri Lim Guan Eng yang ingin melaksanakan pemerintahan menurut Khalifah Umar Abdul Aziz menyalurkan bantuan sebanyak 1.5 juta kepada 17 SAR negeri. Di Selangor menyaksikan hal yang sama di mana Ahli Parlimen Puchong dari DAP, iaitu Gobind Singh Deo yang menyalurkan bantuan peribadi kepada Akademi Tahfiz al-Hira (Harakah: 27-30 Apr 2009). Perkembangan ini memberi petunjuk bahawa sekolah agama rakyat bukan lagi fobia kepada orang bukan Islam yang termakan dengan dakwaan Barat bahawa ia adalah sarang pengganas. Tindakan kerajaan mengambil alih beberapa SAR tertentu untuk dijadikan sekolah bantuannya mungkin menggambarkan polemik ini dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik dan memberi manfaat kepada Islam dan SAR itu sendiri.

Penguasaan PAS dalam politik Kelantan juga menyaksikan parti Islam tersebut bersungguh-sungguh menaungi dan membangunkan institusi pendidikan agama kerajaan negeri, iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK). YIK diwujudkan pada tahun 1974, mula dikenali dengan nama Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA). Pada Jun 1979, namanya ditukar kepada Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) sehingga 1983, sebelum ditukar kepada YIK sehinggalah kepada hari ini. Matlamat pendidikan YIK adalah melahirkan Muslim yang beriman, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan berkelayakan berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negara dan ummah. YIK mengamalkan dua sistem pendidikan secara serentak, iaitu kurikulum al-Azhar dan kebangsaan yang membolehkan pelajarinya menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU), Sijil Menengah Ugama (SMU), Sijil Tinggi Ugama, Penilai Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Sistem pendidikan YIK semakin berkembang di Malaysia apabila didapati sekurang-kurangnya 14 buah sekolah menengah agama di luar Kelantan termasuk Majlis Islam Singapura menggunakan sistem dan sukatan pelajaran serta mengambil peperiksaan di bawah kelolaan YIK. Pada tahun 1998, seramai kira-kira 800 pelajar lepasan YIK melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar (Harakah, 22 Okt 2009).

Kemajuan YIK khususnya di sepanjang pemerintahan PAS membuktikan parti ini bersikap akomodatif dan proaktif membangunkan sistem dan institusi pendidikan semasa. Bahkan kejayaan PAS membangun dan mentadbir YIK dilihat berjaya membuahkan hasil pada era 2000-an di mana beberapa orang pelajarinya muncul pelajar terbaik yang mengemparkan negara. Nama seperti Nor Madihah dari Sekolah Menengah Agama (P) Maahad Muhammadi yang mendapat 20 A dalam peperiksaan SPM 2008 dan turut mengukir jasa PAS mengangkat martabat sistem pendidikan di negeri kelantan. PAS juga melakukan perubahan besar dalam memperkenalkan sistem pendidikan Islam baru di Terengganu. Antara institusi yang ditubuhkan oleh parti itu di sepanjang pemerintahan mereka di Terengganu (1999-2004) ialah Kolej Islam Sains Terengganu (KIST), Kolej Sains dan Teknologi al-Quran (KOSTAQ) dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB). Ini membuktikan bahawa konsep Kepimpinan Ulamak yang dipelopori oleh PAS bukan hanya menumpukan kepada pembangunan institusi pendidikan bercorak tradisional seperti sekolah pondok tetapi menjangkau kepada pembinaan institusi pendidikan profesional. Ini sekaligus bukan sahaja menonjolkan bahawa perjuangan pendidikan

PAS adalah sejajar dengan gerakan Islam lain yang berpendekatan professional, tetapi juga mencabar dakwaan bahawa parti itu tidak mampu memerintah seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Namun PAS sebagai sebuah gerakan Islam setakat ini agak kurang berjaya memartabatkan pendidikan tinggi di atas nama parti. Kedua-dua Kolej Profesional Kosis-Kohilal dan Institut Teknologi Ibnu Sina yang ditubuhkannya gagal muncul sebagai institusi pendidikan tinggi pilihan. Mungkin PAS kurang berpengalaman, kurang dana atau sokongan masyarakat kepada sebuah institusi yang dikendalikan oleh parti politik bukan kerajaan masih berada di tahap yang rendah telah menyebabkan PAS gagal menyaingi kehebatan gerakan Islam seperti Muhammadiyah di Indonesia. Ini tidak melemahkan semangat PAS yang terus cuba mencipta kecemerlangan pendidikan di peringkat tinggi dengan memperkasakan Sekolah Sridu dan membuka Kolej Universiti Darul Quran atau KUDQI di Terengganu. PAS juga merancang menubuhkan universiti swasta yang dinamakan Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM), di samping mempertahankan institusi pendidikan di peringkat prasekolah (PASTI) yang masih mendapat sambutan hangat dari masyarakat. Kejayaan PAS membangunkan PASTI digusari oleh saingan politiknya sehingga timbul dakwaan tekanan ke atas operasinya di Melaka.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan sorotan yang dibincangkan, tidak dapat dinafikan lagi bahawa gerakan Islam telah terbukti memberikan sumbangan yang besar dalam memajukan institusi pendidikan di negara ini. Secara umumnya, beberapa gerakan Islam yang mendominasi arus kebangkitan pendidikan terdedah kepada perkembangan moden dalam dunia pendidikan. Ini dapat dilihat daripada usaha mereka memajukan institusi pendidikan agar selaras dengan kemajuan pendekatan moden dan sikap terbuka mereka mengikuti sebahagian daripada acuan arus perdana pendidikan negara. Kecenderungan mereka menobatkan Islam sebagai asas dalam pendidikan menjadi faktor yang memisahkannya dengan arus pendidikan semasa yang masih berbaur sekular. Gerakan Islam berjaya memperkenalkan sistem pendidikan alternatif Islam yang diterjemahkan sama ada dalam bentuk institusi persendirian mereka sendiri atau pembikinan polisi serta perlaksanaannya dalam sistem yang telah sedia ada. Ini membuktikan bahawa perbezaan politik atau pendekatan dalam melaksanakan ajaran Islam bukanlah halangan untuk mereka turut serta bergandingan memajukan perkembangan pendidikan di negara ini. Beberapa aspek positif daripada orientasi pendidikan gerakan Islam sama ada yang bercorak sufi, sosial kebajikan dan politik mungkin boleh diperkembangkan di dalam sistem pendidikan semasa, setelah suatu penyelidikan ilmiah yang menyeluruh dan objektif dilakukan oleh para sarjana.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hadi Awang. 2005. *Sekolah Agama Rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Ulamak PAS Pusat.
- Abdul Rahman Abdullah. 1993. *Gerakan Islam Tradisional di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran Jamaat Tabligh dan Darul Arqam*. Kuala Lumpur: Kintan.
- Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri Meniti Arus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badlihisam Mohd Nasir. 1999. *Islamic movements in Malaysia: A Study of Da'wah in PAS and ABIM*. Tesis Ph.D. Universiti Birmingham.

- Badlihisam Mohd Nasir. 1999. Infiltrasi Sebagai Metode Dakwah: Pengalaman Angkatan Belia Islam (ABIM). *al-Maw'izah*, Jilid 7, Jun.
- Badlihisam Mohd Nasir. 1999. Metod dakwah gerakan Islam tanahair: Sorotan terhadap PAS, ABIM dan JIM. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Dakwah dan Gerakan Islam Alaf Baru. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 10 Julai 1999.
- Badriyyah Hj. Salleh. 1984. *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah: Salihiah 1914-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Berita Perdana. 1999. 8.00 malam, RTM, 19 September.
- D.G.E. Hall. 1962. *Historians of South East Asia*. London: Oxford University Press.
- Harakah*. 2009. 27-30 April 2009.
- Harakah*. 1999. 22 Oktober 1999.
- Kolej Darul Hikmah. (2010). <http://web.hikmah.edu.my>, [21/08/2010].
- Jemaah Islah Malaysia. (2010). Raudhatu Sakinah. [http://www.jim.org.my/institusi/raudhatu\\_sakinah.php](http://www.jim.org.my/institusi/raudhatu_sakinah.php), [21/08/2010].
- Judith Nagata. 1984. *Reflowering of Malaysian Islam modern religious thought radicals and their roots*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Muhd Nur Manutty. 1984. Perkembangan pendidikan di Malaysia: Beberapa analisa kritis terhadap pemikiran asa dalam perspektif sejarah. *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan ABIM.
- Mustapha Ali. 1993. *Malaysia*. Dlm. Azzam Tamimi (Editor). *Power sharing Islam*. London: Liberty.
- Yahaya Abu Bakar. 1983. Melaka sebagai pusat pendidikan Islam abad ke-XV masihi. *SARI*, Jilid 4, No. 1, Januari.
- Zatul Akmam Yusop. 1993. Jamaah Islah Malaysia (JIM): Sejarah penubuhan dan sumbangannya kepada dakwah Islamiyyah di Malaysia. Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkiple Ab. Ghani dan Abdul Ghafar Don, 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.